



**ARAHAN PENTADBIRAN
KETUA PENGARAH KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA
BILANGAN 1 TAHUN 2020**

**ARAHAN KEPADA WARGA
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA
TERHADAP PEMATUHAN
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT**

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Kerajaan pada 12 Oktober 2020 telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya bermula 14 hingga 27 Oktober 2020. Perintah ini bertujuan untuk mengurangkan penularan wabak Pandemik COVID-19 yang semakin meningkat.
- 1.2. Berdasarkan kepada PKPB ini, Pengurusan Tertinggi CGSO telah memutuskan beberapa perkara penting untuk dilaksanakan oleh semua warga CGSO sama ada di peringkat Ibu Pejabat atau Pejabat Negeri yang terlibat.

2. PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN CGSO SEMASA TEMPOH PKPB

- 2.1. Selaras dengan kenyataan media oleh YBhg Tan Sri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara bertarikh 12 Oktober 2020, secara amnya, perkhidmatan CGSO akan tetap beroperasi di mana semua warga perlu mengadaptasi **sistem penggiliran dan bekerja dari rumah mengikut keperluan** dengan mengambilkira keperluan kebajikan yang

terlibat agar penggunaan sumber manusia adalah optimum. Ianya adalah selaras dengan Surat Edaran Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) rujukan JPA.SARAAN(S)256/6/31JLD6(6) bertarikh 2 Mei 2020. Borang permohonan untuk bekerja dari rumah adalah seperti di **Lampiran A**.

- 2.2. Setiap Bahagian/ Pejabat Negeri perlu menyediakan Jadual Penggiliran Bekerja seperti di **Lampiran B** serta mengemukakannya ke Bahagian Penyelarasan, CGSO bagi tujuan pemantauan kehadiran ke Pejabat.
- 2.3. Penetapan untuk warga CGSO bekerja dari rumah sama ada secara penggiliran atau sepanjang tempoh yang ditetapkan adalah atas **pertimbangan Pengarah Bahagian/ Negeri** dengan berasaskan bahawa urusan atau tugas warga yang terlibat adalah **tidak memerlukan mereka untuk berada di pejabat pada setiap masa atau sepanjang masa tempoh yang ditetapkan**.
- 2.4. Walau bagaimanapun, warga CGSO yang mempunyai tanggungan anak yang berusia 12 tahun ke bawah atau anak berstatus Orang Kurang Upaya (OKU) yang bersekolah dan memerlukan penjagaan berterusan, Pengarah Bahagian/ Negeri boleh mempertimbangkan warga berkenaan untuk bekerja dari rumah mengikut sesi bertugas di pejabat (Lampiran A). Namun, bagi pasangan suami isteri yang merupakan penjawat awam, hanya seorang (1) sahaja yang boleh menggunakan kemudahan bekerja dari rumah pada satu-satu masa sehingga sekolah atau pusat jagaan dibuka semula.
- 2.5. Semua ketetapan bertugas yang dibuat di perenggan 2.2 dan 2.3 di atas hendaklah disertakan dengan surat arahan bekerja bagi membolehkan mereka yang perlu hadir ke pejabat menggunakan surat tersebut sebagai kebenaran Ketua Jabatan untuk hadir ke pejabat.

- 2.6. Di samping itu, warga CGSO yang dibenarkan untuk berkerja dari rumah hendaklah sentiasa berada di rumah dalam tempoh waktu pejabat/ bekerja yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dan bersedia untuk melaksanakan tugas sama ada melalui penggunaan telefon, emel, aplikasi ‘WhatsApp’ atau kemudahan telekomunikasi yang lain. Selaras dengan itu, warga CGSO yang terlibat mestilah boleh dihubungi setiap masa dan juga perlu bersedia ke pejabat/ lokasi lain yang diarahkan sekiranya terdapat keperluan yang mendesak.
- 2.7. Warga CGSO yang bekerja dari rumah perlulah mengemukakan Laporan Tugasan Harian bagi hari tersebut kepada penyelia masing-masing untuk disahkan. Format laporan adalah seperti di **Lampiran C**.

3. PERINGATAN UMUM KEPADA WARGA CGSO

- 3.1. Warga CGSO adalah diminta untuk mengamalkan langkah-langkah pencegahan yang disyorkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu:
 - i. Menjalani saringan suhu badan semasa memasuki premis;
 - ii. Sentiasa mengamalkan kebersihan diri yang baik;
 - iii. Kerap mencuci tangan menggunakan sabun dan air atau sanitizer;
 - iv. Mengamalkan penjarakan fizikal; dan
 - v. Sentiasa memakai pelitup muka separuh (*face mask*) semasa berada di pejabat.
- 3.2. Warga CGSO perlu mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat dan semua arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia dari semasa ke semasa.

4. TARIKH KUAT KUASA

- 4.1. Arahan ini adalah berkuatkuasa mulai 14 Oktober 2020 hingga ke satu tarikh tamat PKPB yang dimaklumkan oleh pihak berkuasa.
- 4.2. Arahan ini adalah turut terpakai bagi mana-mana Arahan PKPB yang akan dimaklumkan oleh pihak berkuasa pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "KHAIRUL ANWAR BIN HAJI ZAKARIA".

(KHAIRUL ANWAR BIN HAJI ZAKARIA)
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Malaysia

13 Oktober 2020

LAMPIRAN A

**PERMOHONAN BERTUGAS DARI RUMAH
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN (CGSO)**

Saya No. Kad Pengenalan bertugas di Bahagian / Pejabat CGSO ingin memohon untuk bertugas dari rumah atas faktor berikut:

- Anak (bawah 12 tahun/ OKU)**
Pasangan Penjawat Awam : Ya / Tidak
Nama Pasangan :
No. Kad Pengenalan :
Tempat bertugas :
 Tuntutan Perkhidmatan Perlu (*Essential*). Contoh: Pasangan *Frontliner*/ Kakitangan Swasta
 Lain-lain Sebab:

** Pastikan maklumat anak telah dikemaskini di dalam sistem HRMIS

Pilihan Sesi Bertugas Di Pejabat (tertakluk kepada kelulusan Pengarah Bahagian/ Negeri):

- Sepanjang Hari (mengikut Waktu Bekerja Fleksi) bagi tarikh
 Sesi Pagi* (9.00 pagi hingga 1.00 tengah hari) bagi tarikh
 Sesi Petang* (1.00 tengah hari hingga 5.00 petang) bagi tarikh

* Terhad kepada pegawai/ kakitangan yang mempunyai anak bawah 12 tahun/ OKU sahaja.

Saya akan mengemukakan Laporan Tugasan Harian kepada penyelia sekiranya permohonan ini diluluskan dan sentiasa bersedia untuk hadir ke pejabat apabila diperlukan.

Tandatangan Pemohon:

Tarikh:

SOKONGAN PEGAWAI PENYELIA

Permohonan pegawai:

- disokong
 tidak disokong

Tandatangan Penyelia:

Tarikh:

Nama & Jawatan:

KEPUTUSAN PENGARAH BAHAGIAN/ NEGERI

Permohonan pegawai:

- diluluskan
 tidak diluluskan

Tandatangan Pengarah Bahagian/ Negeri:

Tarikh:

Nama & Jawatan:

LAMPIRAN B

JADUAL PENGGILIRAN BEKERJA
SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA

NAMA BAHAGIAN/ NEGERI:.....

BIL	NAMA	JAWATAN	BULAN : 2020											
			14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25
RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD	ISNIN	SELASA	RABU	KHAMIS	JUMAAT	SABTU	AHAD	ISNIN	SELASA	
1.														
2.														
3.														
4.														
5.														
6.														
7.														
8.														

- i) Sila tanda "\\" atau "WFH" pada tarikh yang berkaitan.
- ii) Sila tandakan Hari Kelepasan Am Negeri/Cuti Umum/Cuti Hujung Minggu yang mana berkaitan.

LAMPIRAN C

**LAPORAN TUGASAN HARIAN BAGI KAKITANGAN YANG BEKERJA DARI RUMAH
SEPAJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)
PEJABAT KETUA PEGAWAI KESELAMATAN KERAJAAN (CGSO)**

Disediakan oleh:

Nama Pegawai :
Jawatan :
Bahagian/ Negeri :

Disahkan oleh:

Nama Penyelia :
Jawatan :
Bahagian/ Negeri :

***NOTA:**

Laporan ini hendaklah dikemukakan kepada Penyelia bagi tujuan pemantauan dan pengesahan. Laporan yang telah disahkan hendaklah disimpan oleh Bahagian/Pejabat Negeri bagi tujuan rekod.